

Headline	Puncak penantian 30 tahun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	13	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	265 cm <sup>2</sup>
Journalist	Farhani Che Ad	AdValue	RM 10,276
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,829



# Puncak penantian 30 tahun

■ Penjaja kuih sebak terima surat tawaran ke Tanah Suci daripada Tabung Haji

**Farhani Che Ad**

**P**enantian lebih 30 tahun seorang warga emas untuk menjadi tetamu Allah dengan menuaikan rukun Islam kelima hampir tercapai selepas menerima surat tawaran ke Tanah Suci yang disampaikan wakil Tabung Haji (TH) pada Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri di sini, kelmarin.

Haminah Osman, 86, yang juga penjaja kuih sebak ketika menerima surat tawaran berkenaan berikutan keinginannya untuk melihat sendiri Kaabah bakal menjadi kenyataan.

Ibu kepada 13 anak itu berkata, sebelum ini, dia hampir berputus asa kerana terpaksa melalui pelbagai cabaran dalam usaha mengumpul wang bagi menuaikan haji termasuk menjadi mangsa samun dan ru-

mah dipecah masuk. "Wang hasil jualan kuih saya gunakan untuk membeli barang kemas kerana berasakan itu adalah cara terbaik untuk menabung, namun hampir berputus asa apabila menjadi mangsa samun dan rumah dipecah masuk menyebabkan barang berharga dilarikan pencuri.

"Ketika itu, saya amat kecewa kerana impian menuaikan haji umpama sudah hancur lebur. Namun atas nasihat dan kata-kata semangat diberikan anak-anak harapan itu muncul semula.

"Hati saya sering tertanya-tanya adakah masih mempunyai peluang ke Tanah Suci kerana sebelum ini hanya menumpang kegem-biraan apabila melihat seorang demi seorang anak saya dijemput Allah untuk menuaikan ibadah itu," katanya.

Selain mengharapkan wang dikumpul hasil jualan kuih dan baki barang kemas disimpan, anak serta saud-

ranya turut menghulurkan bantuan kewangan.

Dia tidak menyangka bakal diberikan peluang itu apabila cubaannya mendaftar sebagai bakal jemaah tahun lalu, terus mendapat perhatian pihak TH.

Warga emas itu bakal ditemani anak ke-10, Halimah Said Ahmad Ghani, 58, sepanjang mengerjakan haji dan berharap diberikan kesihatan yang baik sepanjang berada di Tanah Suci.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Haji merangkap Ketua Rombongan Haji Malaysia pada tahun ini, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, kursus itu bertujuan bagi memberi maklumat terkini serta ilmu berkaitan haji bagi meningkatkan tahap pengetahuan bakal jemaah.

## FAKTA

Haminah pernah jadi mangsa samun dan rumah dipecah masuk



HAMINAH (kiri) berbincang dengan anaknya, Halimah.